

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI  
[ BAGAN SERAI ]**

**TARIKH : 23.5.2016**

**SOALAN :**

**Dr. Noor Azmi bin Ghazali [ Bagan Serai ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan negara Malaysia yang maju pada 2020 mestilah mempunyai ramai saintis yang cemerlang. Apakah pencapaian semasa di sekolah dari segi nisbah pelajar sains dan sastera, bilangan guru, dan kemahiran guru sains dan teknologi dan apakah persediaan serta tindakan yang diambil dari segi infrastruktur, pengajaran dan pembelajaran.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar 60:40 Sains/Teknikal:Sastera dalam pendidikan masih belum mencapai sasarannya disebabkan oleh pelbagai faktor seperti mata pelajaran Sains dan Teknikal (S&T) dianggap sebagai sukar, kurikulum yang padat, kualiti pengajaran dan pembelajaran (P&P) kurang konsisten dan infrastruktur yang tidak mencukupi serta sudah usang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang memberi penekanan kepada pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dengan memfokuskan kepada pendidikan STEM untuk semua melalui strategi berikut:

**(i) Meningkatkan minat dan kesedaran murid serta ibu bapa terhadap STEM**

Kesedaran dan minat murid terhadap STEM akan ditingkatkan dengan menggunakan pendekatan bukan formal seperti pesta sains dan kem sains bagi mengukuhkan minat terhadap STEM dan memberi fokus kepada pelibatan murid dan guru dalam aktiviti di luar sekolah dengan kerjasama Petrosains, Pusat Sains Negara dan lain-lain. Pendekatan tidak formal iaitu murid memperoleh sikap, nilai, kemahiran dan pengetahuan melalui aktiviti kehidupan harian serta pengaruh dan sumber dalam persekitaran murid yang melibatkan keluarga, jiran dan rakan-rakan juga akan diberi perhatian. Sehubungan dengan itu, jalinan kerjasama antara organisasi, iaitu Kementerian Pendidikan, sekolah, agensi kerajaan, institusi pendidikan tinggi, perusahaan awam, dan korporat akan diperluaskan. Kementerian juga akan mewujudkan peluang untuk libat urus dengan komuniti yang lebih luas termasuk industri, komuniti setempat, pembekal perkhidmatan dan badan bukan kerajaan (NGO).

Promosi STEM akan diperhebatkan dengan menyediakan peluang untuk rancangan televisyen bagi aktiviti seperti pesta sains dan pertandingan robotik, program realiti TV berasaskan STEM, *game shows* dan sebagainya.

**(ii) Melaksanakan PdP yang mengintegrasikan kejuruteraan dan teknologi ke dalam sains dan matematik**

Kementerian Pendidikan akan memantapkan pendekatan PdP berasaskan projek, inkuiri penemuan, investigatif, *hands-on* dan lain-lain serta memperkenalkan dan memperluaskan program IBSE (*Inquiry Based Science Education*) dan pengkodan. Selain itu, guru-guru juga akan didedahkan dengan pendekatan tematik untuk diguna pakai ketika sesi PdP yang akan mengintegrasikan semua elemen STEM.

RJM51